

BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 03:
MEI & JUN 2021



ATLET UTHM TERPILIH MEWAKILI PASUKAN PST-KPT MUSTANG KE MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE (MPFL)


03 MEI 2021

Tahniah diucapkan kepada Atlet Futsal UTHM, Saudara Arif Roslan (PPD) dan Saudara Eazlan Syaqrin (FPTP) yang telah terpilih mewakili Pasukan PST-KPT Mustang ke Malaysia Premier Futsal League (MPFL). Pemilihan telah diadakan sebanyak 3 fasa sejak Mac melibatkan atlet futsal terbaik dari Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti.

BENKEL PROJEK HUSSEIN WORRIORS DAN SERANTAU WARRIORS

19 MEI 2021

Penganjuran bengkel melibatkan pengurus pasukan sukan pelajar bagi membincangkan cadangan projek Hussein Warriors dan Serantau Warriors. Hussein Warriors mensasarkan atlet berprestasi tinggi dan serantau warriors mensasarkan kelompok serantau di pengkategorian pasukan.



SEMBANG SANTAI ALUMNI BARRACUDA UTHM : THE POWER OF ROWING FOR FUTURE CAREER

03 JUN 2021

Sembang Santai Alumni Barracuda UTHM : The Power of Rowing for Future Career telah diadakan pada 3 jun 2021 jam 8.30 malam hingga 10.30 malam.

Moderator : Nur Ikmal Hisham bin Abdul Halim

Panel 1 : Muhammad Hariz bin Mohd Sharif
(Alumni 2016, Electrical Engineer)
Panel 2 : Madihah binti Md Salleh
(Alumni 2014, Project Engineer)
Panel 3 : Khoo Kah Beng
(Alumni 2011, Entrepreneur)

PERHIMPUNAN KEGERGASAN UTHM SIRI 03/2021

10 JUN 2021

Perhimpunan Kecergasan UTHM 2021 siri 3/2021 anjuran bersama Pusat Sukan Universiti dan Pejabat Pendaftar telah dijalankan dengan jayanya. Perhimpunan Kecergasan ini telah di ketuai oleh Coach Roy melalui aplikasi Facebook Unit Pembangunan Modal Insan, Pejabat Pendaftar, UTHM.



JOHAN MOBILE LEGENDS CAMPUS CHAMPIONSHIP 2021 SEASON 3 NEGERI JOHOR

26 JUN 2021

Tahniah diucapkan kepada Pasukan Mobile Legends UTHM yang telah dinobatkan sebagai Johan Mobile Legends Campus Championship 2021 Season 3 Negeri Johor selepas berjaya menewaskan pasukan daripada Politeknik Ibrahim Sultan pada perlawanan akhir yang telah berlangsung pada 26 Jun 2021. Kemenangan ini telah melayakkan Pasukan UTHM mewakili Negeri Johor ke Peringkat Kebangsaan Umobile MLCC 2021 Season 3.

MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE 2021 LELAKI

12 JUN HINGGA 28 OGOS 2021

Selamat Berjuang diucapkan kepada pasukan KPT-PST Mustangs di Malaysian Premier Futsal League (MPFL) 2021. 2 orang atlet UTHM telah terpilih mewakili pasukan dalam edisi ini.



'if you get tired, learn to rest not to quit'